



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2020**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mewakilkan sebuah firma audit swasta untuk mengaudit Penyata Kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Majlis Daerah Hulu Selangor dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 33.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Hulu Selangor dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Daerah Hulu Selangor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Hulu Selangor untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan


Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:


- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Hulu Selangor.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Hulu Selangor sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis Daerah Hulu Selangor berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DR. MOHAMAD FAUZI BIN MOHAMAD SARUMAN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA



SHAH ALAM, SELANGOR
1 DISEMBER 2021

KENYATAAN OLEH
YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS
MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

Kami, **MOHD HASRY BIN NOR MOHD**, Yang Dipertua dan **RAJA DATO' MUZAFFAR BIN RAJA REDZWA**, Ahli Majlis, Majlis Daerah Hulu Selangor dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi Majlis yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor pada 31 Disember 2020 serta hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.


MOHD HASRY BIN NOR MOHD, A.M.S

Yang Dipertua
Majlis Daerah Hulu Selangor
Tarikh : **30 NOV 2021**



RAJA DATO' MUZAFFAR BIN RAJA REDZWA, D.S.I.S.

Ahli Majlis
Majlis Daerah Hulu Selangor
Tarikh : **30 NOV 2021**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR**

Saya, SHAIFUL RIZZA BIN PIAMIN, nombor kad pengenalan, : 751017-10-6141, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Hulu Selangor, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020, Penyata Perubahan Aset Bersih Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 dan Penyata Aliran Tunai berserta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikutnya ini berserta dengan nota-nota , mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak- kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh)
Penama di atas)
SHAIFUL RIZZA BIN PIAMIN)
di Petaling Jaya, Selangor)



Pada : **29 NOV 2021**

Dihadapan saya :

PESURUHJAYA SUMPAH



No. 43, Kompleks Emporium
Makan Sek 52, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya, Selangor

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM	01.01.2019 <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
ASET				
ASSET SEMASA				
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	3	15,672,244	18,161,219	20,997,174
Pelbagai akaun belum diterima, deposit dan pendahuluan	4	1,738,667	3,303,637	4,726,278
Simpanan tetap	5	111,168,877	104,000,000	87,000,000
Wang di tangan dan di bank	6	13,360,213	17,432,910	21,026,362
		141,940,001	142,897,766	133,749,814
ASSET BUKAN SEMASA				
Pelbagai akaun belum diterima, deposit dan pendahuluan	4	3,609,351	3,929,066	-
Hartanah, loji dan peralatan	7	448,671,933	457,081,075	403,212,744
Hartanah pelaburan		-	-	64,838,912
Aset tak ketara	8	92,860	132,246	145,913
		452,374,144	461,142,387	468,197,569
JUMLAH ASET		594,314,145	604,040,153	601,947,383
LIABILITI				
LIABILITI SEMASA				
Wang cagaran	9	21,118,578	21,487,407	21,991,947
Wang amanah	10	20,133,737	25,579,775	17,459,893
Urusniaga bukan pertukaran terimaan terdahulu	11	2,101,840	2,641,615	2,641,615
Pelbagai akaun belum bayar	12	12,759,933	15,692,738	9,493,877
Pinjaman sewa beli	14	888,807	797,057	655,206
		57,002,895	66,198,592	52,242,538
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Pelbagai akaun belum bayar	13	383,735	210,798	-
Pinjaman sewa beli	14	2,555,588	2,380,432	1,637,071
		2,939,323	2,591,230	1,637,071
JUMLAH LIABILITI		59,942,218	68,789,822	53,879,609
ASET BERSIH		534,371,927	535,250,331	548,067,774
ASET BERSIH				
Kumpulan Wang Majlis		533,971,927	534,850,331	547,667,774
Kumpulan Wang Pinjaman		400,000	400,000	400,000
		534,371,927	535,250,331	548,067,774

Sila rujuk nota-nota kepada Penyata Kewangan

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM	<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
PENDAPATAN				
Urusniaga bukan pertukaran	15	107,326,643	90,137,732	
Urusniaga pertukaran	16	16,170,777	8,308,824	
Pelbagai Hasil	17	4,646,640	3,075,245	
JUMLAH PENDAPATAN		<u>128,144,060</u>	<u>101,521,801</u>	

PERBELANJAAN

Mengurus

Emolumen	18	20,008,440	19,946,980
Perkhidmatan dan bekalan	18	26,349,132	30,022,746
Pemberian dan kenaan tetap	18	1,628,195	1,640,046
Perbelanjaan lain	18	11,883,367	8,580,288
		<u>59,869,134</u>	<u>60,190,060</u>

Pembangunan

Projek pembangunan Majlis	18	55,052,441	40,285,612
		<u>55,052,441</u>	<u>40,285,612</u>
Susutnilai dan pelunasan		<u>14,100,889</u>	<u>13,863,572</u>
JUMLAH PERBELANJAAN		<u>129,022,464</u>	<u>114,339,244</u>
KURANGAN PENDAPATAN BERSIH		<u>(878,404)</u>	<u>(12,817,443)</u>

Sila rujuk nota-nota kepada Penyata Kewangan.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	Nota	Kumpulan Wang Majlis RM	Kumpulan Wang Pinjaman RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2019 - <i>Seperti dinyatakan sebelum ini</i>		427,844,267	400,000	428,244,267
Pelarasan tahun lalu - Kesilapan / ketinggalan	19	(680,146)	-	(680,146)
- Perubahan dasar perakaunan		120,503,653	-	120,503,653
 Baki pada 1 Januari 2019 - <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>		 547,667,774	 400,000	 548,067,774
Kurangan pendapatan bersih		(12,817,443)	-	(12,817,443)
 Baki pada 31 Disember 2019/ 1 Januari 2020 - <i>Seperti yang dinyatakan semula</i>		 534,850,331	 400,000	 535,250,331
Kurangan bersih bagi tahun		(878,404)	-	(878,404)
 Baki pada 31 Disember 2020		 <hr/> 533,971,927	 <hr/> 400,000	 <hr/> 534,371,927

Sila rujuk nota-nota kepada Penyata Kewangan

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	2020 RM	2019 RM	<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Nota			
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Kurangan bagi tahun	(878,404)	(12,817,443)	
Pengerakan bukan tunai			
Susutnilai hartaanah, loji dan peralatan	7 14,029,454	13,792,615	
Susutnilai aset tak ketara	8 71,435	70,957	
Hutang rugu	4,368,010	5,945,030	
Rosotnilai terpulih	(2,065,900)	-	
Hapuskira hartaanah, loji dan peralatan - Hartanah	63,648	-	
Peningkatan urusniaga bukan pertukaran belum terima	186,865	(3,109,075)	
Penurunan/(Peningkatan) akaun belum terima, deposit dan pendahuluan	1,884,685	(2,506,425)	
Penurunan wang cagarans	(368,829)	(504,540)	
(Penurunan)/Peningkatan wang amanah	(5,446,038)	8,119,882	
Penurunan urusniaga bukan pertukaran terimaan terdahulu	(539,775)	-	
(Penurunan)/Peningkatan pelbagai akaun kena bayar	(2,759,868)	6,409,659	
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi	<u>8,545,283</u>	<u>15,400,660</u>	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Belian hartaanah , loji dan peralatan	7 (5,683,960)	(2,822,033)	
Belian aset tak ketara	8 (32,049)	(57,290)	
Aliran tunai bersih digunakan daripada aktiviti pelaburan	<u>(5,716,009)</u>	<u>(2,879,323)</u>	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Penerimaan sewa beli kenderaan	1,097,754	1,625,496	
Pembayaran sewa beli kenderaan	(830,848)	(740,285)	
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti pembiayaan	<u>266,906</u>	<u>885,211</u>	
Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	3,096,180	13,406,548	
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh	121,432,910	108,026,362	
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh	<u>124,529,090</u>	<u>121,432,910</u>	
<i>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh terdiri daripada:</i>			
Simpanan tetap	111,168,877	104,000,000	
Wang ditangan dan di bank	13,360,213	17,432,910	
	<u>124,529,090</u>	<u>121,432,910</u>	

Sila rujuk nota-nota kepada Penyata Kewangan

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	JUMLAH BAJET		Jumlah Sebenar RM	^Varian Bajet RM
	Asal RM	Akhir RM		
PENERIMAAN				
Urusniaga bukan pertukaran	83,881,180	83,881,180	76,182,214	7,698,966
Urusniaga pertukaran	15,512,315	15,512,315	14,040,665	1,471,650
Pelbagai hasil	10	10	-	10
Jumlah Penerimaan	99,393,505	99,393,505	90,222,879	9,170,626
PEMBAYARAN				
Emolumen	21,510,919	21,510,919	20,006,579	1,504,340
Perkhidmatan dan bekalan	33,901,599	33,615,599	26,715,839	6,899,760
Pemilikan harta modal	1,902,261	1,582,261	899,331	682,930
Pemberian dan kenaan bayaran tetap	2,140,000	2,140,000	1,479,243	660,757
Perbelanjaan lain-lain	1,377,000	1,377,000	1,410,042	(33,042)
Projek Pembangunan Majlis	38,561,716	30,689,116	23,188,410	7,500,706
Jumlah Pembayaran	99,393,495	90,914,895	73,699,444	17,215,451
PENERIMAAN BERSIH		10	8,478,610	16,523,435 (8,044,825)

*Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.

* Penyediaan Bajet Tahunan Majlis adalah berdasarkan atas tunai.

Sila rujuk nota-nota kepada Penyata Kewangan

Penjelasan varian yang material :-

Item/Bajet	Varian	Penjelasan
Urusniaga bukan pertukaran	-9.2%	Pengurangan disebabkan 28,120 pegangan telah diberikan pengecualian cukai tahunan dibawah dasar Prihatin Negeri dan 787 pegangan diberikan remisi manakala tindakan penguatkuasaan sitaan tidak dijalankan sepenuhnya. Pengecualian lesen terhadap 3515 penjaja juga turut menyumbang kepada penurunan ini.
Urusniaga pertukaran	-9.5%	Pengurangan disebabkan terdapat bantuan rakyat prihatin dengan pemberian pengecualian sewaan yang diberikan kepada 608 penyewa.
Emolumen	-7.0%	Perbelanjaan emolumen telah menunjukkan surplus sebanyak 7% disebabkan penurunan sebanyak 37% eluan lebih masa jika dibandingkan tahun 2019. Ini adalah disebabkan kebanyakkan program dan aktiviti tidak dapat dilaksanakan akibat SOP PKP
Perkhidmatan dan bekalan	-20.5%	Perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan menunjukkan surplus sebanyak 20.5%. Disebabkan perintah kawalan pergerakan yang diumumkan oleh kerajaan persekutuan menyebabkan tuntutan perjalanan oleh kakitangan, kos utiliti dan perhubungan, sewaan dan bekalan bahan mentah berkurangan pada tahun semasa berbanding tahun sebelum. Untuk makluman, bajet telah disediakan berdasarkan perbelanjaan tahun sebelum.
Projek Pembangunan Majlis	-24.4%	Pandemik Covid 19 yang melanda negara telah menyebabkan projek-projek pembangunan terpaksa ditangguhkan.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

1. MAKLUMAT AM

1.1 Kegiatan Utama Majlis

Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) adalah merupakan salah sebuah daripada 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan yang telah diwujudkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171) pada tahun 1977 dengan matlamatnya untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran yang cekap dan berkualiti kepada penduduk daerah Hulu Selangor bagi mewujudkan persekitaran yang harmoni, selesa dan makmur. Majlis ini adalah hasil gabungan Lembaga Bandaran Rawang, Majlis Tempatan Kuala Kubu Baharu dan Majlis Tempatan Kalumpang dengan keluasan seluas 174,047 hektar (430,070 ekar).

Kegiatan utama Majlis adalah menjaga kebersihan daerah dan melaksanakan pembangunan ekonomi, sosial, fizikal dan persekitaran bandar di samping mengutip hasil cukai dan bukan cukai selaras dengan Seksyen 39 Akta 171.

1.2 Penyata Kewangan ini telah dibentangkan dalam RINGGIT MALAYSIA ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 telah diperakurkan pada 17 Jun 2021.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1 Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

2.1.2 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Majlis memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan pada nota 2.3 hingga 2.10 kepada Penyata Kewangan.

2.1.3 Penyedian Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa ke masa akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.2 kepada Penyata Kewangan.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*Sambungan*)

2.2. Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran di iktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan membantu kadar

Sumbangan membantu kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan membantu kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftar dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan caj-caj lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk caj S.157 cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi lesenan denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil tersebut.

(v) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambil kira sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

2.2. Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan (sambungan)

2.2.2. Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari jualan barang-barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif ke atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amanah bawaan awal aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.3. Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1 Aset Harta Modal iaitu Aset baru yang dibeli (urusniaga pertukaran) atau diterima melalui sumbangan, hadiah dan sitaan (urusniaga bukan pertukaran) yang bernilai atau anggaran nilai "threshold" melebihi daripada RM 2,000 (dua ribu) dan diyakini anggaran jangka hayat melebihi satu tahun, maka kos tersebut dinyatakan sebagai kos dipermodalkan.

2.3.2 Penyelenggaraan untuk penambahbaikan aset tersebut yang bertujuan penaiktaraf yang melibatkan peningkatan nilai aset atau keupayaan prestasi aset atau penambahan jangka hayat aset, maka kos tersebut dinyatakan sebagai kos dipermodalkan.

2.3.3 Kos penambahan aksesori yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi atau keselesaan atau keselamatan terhadap aset dan pengguna aset tersebut dengan nilai "threshold" melebihi RM 2,000 (dua ribu), maka kos tersebut dinyatakan sebagai kos dipermodalkan manakala kos yang melibatkan RM 2,000 (dua ribu) dan keawah maka kos tersebut dinyatakan sebagai kos dibelanjakan.

2.3.4 Penyelenggaraan pencegahan kerosakan (servis berkala) di kira sebagai kos dibelanjakan.

2.3.5 Penyelenggaraan pembaikan kerosakan akibat kerosakan keusiaan atau kerosakan kemalangan dengan nilai kos RM 2,000 (dua ribu) keawah di kira sebagai kos dibelanjakan dan bagi melebihi nilai kos RM 2,000 (dua ribu) dikira sebagai kos dipermodalkan.

2.3.6 Nilai dibawah item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyaiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezannya diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Kewangan.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

2.3. Hartanah, Loji dan Peralatan (sambungan)

- 2.3.7 Jalanraya diiktiraf sebagai aset infrastruktur jalan apabila pendaftaran jajaran jalan raya telah diluluskan melalui sistem MARRIS. Jalanraya adalah termasuk jalan, longkang, sisi jalan, bahu jalan, parkir, jambatan, jejantas, jejambat, terowong, papan iklan, hentian kenderaan, lampu jalan, sistem kawalan lalulintas, perabut, lengkapan dan apa-apa objek asalkan semua yang dinyatakan ini fizikalnya bersatu dengan jajaran jalanraya tersebut. Pengiktirafan baki awal aset infrastruktur jalan dianggar munasabah dengan kadar RM 92.7/m². Jalanraya yang dipermodalkan pada pertama kali akan diiktiraf pada nilai kos manakala jalanraya yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran atau bilamana jalanraya sediaada telah mencapai kadar sifar ke atas Nilai Buku Bersih nya maka ianya diiktiraf pada nilai saksama. Sebarang kos yang berlaku ke atas Jalanraya yang telah diiktiraf sebagai aset infrastruktur jalan akan dikira sebagai bermatlamatkan penyelenggaraan ke atas aset infrastruktur jalan tersebut dan kos tersebut dinyatakan sebagai kos dibelanjakan.
- 2.3.8 Aset taman awam terbahagi kepada tiga komponen iaitu:-
- 2.3.8.1 Jalanraya taman awam - Jalanraya taman awam termasuk jalan, longkang, sisi jalan, bahu jalan, parkir, dan apa-apa objek asalkan semua yang dinyatakan ini fizikalnya bersatu dengan jalanraya pada taman awam tersebut.
- 2.3.8.2 Bangunan taman awam – wakaf, tandas, astaka dan apa-apa binaan asalkan semua yang dinyatakan ini fizikalnya bersatu dengan kawasan taman awam tersebut.
- 2.3.8.3 Kemudahan taman awam – alatan permainan, alatan riadah, gelanggang, padang permainan dan apa juu objek bagi tujuan digunakan oleh pengunjung asalkan semua yang dinyatakan ini fizikalnya bersatu dengan kawasan taman awam tersebut.
- Aset taman awam yang dipermodalkan pada pertama kali akan diiktiraf pada nilai kos manakala aset taman awam yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran atau bilamana aset taman awam sediaada telah mencapai kadar sifar ke atas Nilai Buku Bersih nya maka ianya diiktiraf pada nilai saksama. Sebarang kos ke atas jalanraya taman awam, bangunan taman awam dan kemudahan taman awam yang telah diiktiraf sebagai aset taman awam akan dikira sebagai kerja-kerja penyelenggaraan dan kos tersebut dinyatakan sebagai kos dibelanjakan.
- 2.3.9 Pengiktirafan aset tanah bagi sebelum tahun 2018 dibuat berdasarkan harga pasaran. Manakala aset tambahan yang dipermodalkan bermula tahun 2018 adalah mengikut kos sebenar atau nilai sebenar sekiranya terdapat jurang perbezaan yang ketara. Selepas diiktiraf sebagai aset, aset tanah dibawa pada kosnya ditolak susutnilai terkumpul dan apa-apa kerugian penjejasan terkumpul. Jangka hayat susut nilai harta tanah adalah mengikut tempoh pajakan manakala bagi pegangan bebas tiada jangka hayat dikenakan. Aset Bangunan diiktiraf dengan mengambil kira kuasa kawalan ke atas bangunan tersebut. Susutnilai ke atas bangunan adalah mengikut jangka hayat munasabah sehingga 50 tahun atau baki tempoh pajakan tanah atas asas mana-mana yang terdahulu.
- 2.3.10 Pengiktirafan awal aset bangunan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos, manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Selepas pengiktirafan, aset bangunan dinyatakan sebagai kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul. Susutnilai ke atas aset bangunan adalah mengikut jangka hayat munasabah sehingga 50 tahun atau baki tempoh pajakan tanahnya atas asas mana-mana yang terdahulu.
- 2.3.11 Kenderaan diiktiraf berdasarkan harga kos. Susutnilai ke atas kenderaan adalah mengikut jangka hayat munasabah mengikut buatan dan kualiti kenderaan tersebut iaitu tidak melebihi tempoh 5 tahun.
- 2.3.12 Peralatan ICT diiktiraf berdasarkan harga kos. Peralatan ICT dilunaskan mengikut jangka hayat selama 4 tahun.
- 2.3.13 Perabut diiktiraf berdasarkan harga kos. Perabut dilunaskan mengikut jangka hayat selama 10 tahun.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

2.3. Hartanah, Loji dan Peralatan (sambungan)

- 2.3.14 Mesin dan Jentera diiktiraf berdasarkan harga kos. Baki awal diiktiraf mengikut nilai buku dan disusutnilai mengikut jangka hayat. Mesin dan Jentera dilunaskan mengikut jangka hayat selama 3 tahun.
- 2.3.15 Perkakas diiktiraf berdasarkan harga kos. Baki awal diiktiraf mengikut nilai buku dan disusutnilai mengikut jangka hayat. Perkakas dilunaskan mengikut jangka hayat selama 5 tahun.

2.4. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1 Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.4.2. Kadar susutnilai tahunan hartaanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

Hartanah, Loji dan peralatan	Kadar tahun 2020
a) Tanah Pajakan	Tempoh pajakan
b) Tanah pegangan bebas	Tidak disusut nilai
c) Bangunan	50 tahun / baki tempoh tanah pajakan atas atas mana-mana terdahulu
d) Kenderaan	5 tahun
e) Jentera dan mesin	3 tahun
f) Perabot dan alat kelengkapan	10 tahun
g) Perkakas-perkakas lain	5 tahun
h) Jalan infrastruktur	50 tahun
i) Taman landskap	
i) Kemudahan taman awam	10 tahun
ii) Bangunan taman awam	50 tahun
iii) Jalanraya taman awam	50 tahun
j) Komputer dan Perkakasannya	4 tahun

2.4.3 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5. Hartanah Pelaburan

- 2.5.1 Hartanah Pelaburan adalah hartaanah yang dipegang untuk menjana hasil sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartaanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartaanah tersebut menghasilkan sewa.
- 2.5.2 Pengiktirafan awal bagi hartaanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.
- 2.5.3 Susulan kepada pengiktirafan awal, hartaanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).
- 2.5.4 Susutnilai hartaanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pengangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 2.5.5 Untung atau rugi akibat pelupusan hartaanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

2.6. Aset Tak Ketara

- 2.6.1. Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.
- 2.6.2. Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dianakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.
- 2.6.3. Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.
- 2.6.4. Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 4 tahun.
- 2.6.5. Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.
- 2.6.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.7. Aset Kewangan

- 2.7.1. Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.7.2. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kekurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.
- 2.7.3. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

2.7. Aset Kewangan (sambungan.)

2.7.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvesyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.7.5 Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) **Pinjaman dan Belum Terima**

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah berkesan atau ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskauan atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) **Pelaburan Dipegang Hingga Matang**

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang sehingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskauan atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(iii) **Rosot Nilai Aset Kewangan**

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (ii) pembayar tertunggak;
- (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis;
- (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan didalam anggaran aliran tunai;
- (v) selepas sekurang-kurangnya 12 kali notis E dikeluarkan; atau
- (vi) selepas penggulungan dan pembubaran syarikat serta pengambil alihan tanah.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

2.DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

2.7. Aset Kewangan (sambungan.)

(iii) **Rosot Nilai Aset Kewangan (sambungan)**

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elauan. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elauan. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

(iv) **Penyahiktirafan Aset Kewangan**

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesaikan serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan di terima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.8. Peruntukan dan Liabiliti

2.8.1. Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam Penyata Prestasi Kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.9. Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.9.1 Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam Penyata Kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak dibawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.9.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam Penyata Kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

2.DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

2.10. Liabiliti Kewangan

- 2.10.1 Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.10.2 Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.
- 2.10.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.
- 2.10.4 Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.11. Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Lain-Lain

Kumpulan wang pinjaman kenderaan dan lain-lain merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer dan Pinjaman telefon.

2.12. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

2.DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

2.13. Manfaat Pekerja

2.13.1 Manfaat kakitangan jangka pendek

Majlis sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN), Dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Faedah kakitangan jangka masa pendek termasuk gaji, upah, bonus dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun dimana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

2.13.2 Manfaat selepas perkhidmatan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(iii) Manfaat Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan Kontrak

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunakan oleh Majlis.

Majlis hanya mengambilkira peruntukan GCR bagi kakitangan tetap yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun dan telah mencapai umur 40 tahun dalam tempoh kewangan berakhir dimana ia dikira berdasarkan formula berikut:

* $\frac{1}{30} \times \text{Gaji dan elaun akhir yang diterima} (\text{dengan andaian peningkatan gaji sebanyak } 5\% \text{ setahun}) \times 150 \text{ hari (had maksimum yang boleh dituntut)}$.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

2.DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*Sambungan*)

2.14 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

2.14.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskau sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urusniaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.14.2 Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat pertunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis menggunakan pakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

2.DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*Sambungan*)

2.14. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (*sambungan*)

2.14.2 Aset Penjanaan Bukan Tunai (*sambungan*)

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.15. Percukaian

2.15.1 Majlis Daerah Hulu Selangor adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6 : Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.16. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan Cukai Perkhidmatan (SST)

2.16.1 Perlaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga, sewaan dewan adalah tertalu kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

(ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

Terdapat petunjuk bahawa pihak Kastam akan melakukan pengauditan ke atas Majlis bagi penetapan tuntutan GST. Namun GST telah dimansuhkan mulai 1 Jun 2018. SST telah dilaksanakan pada 1 September 2018 bagi menggantikan GST, MDHS terkesan kos tambahan berikut kenaan tersebut.

2.17. Maklumat Bajet

2.17.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.17.2 Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Belanjawan dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

2.18 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.18.1 Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

2.DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

2.18. Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (*sambungan*)

2.18.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Elaun rosot nilai bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang rugu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartaanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartaanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Pengukuran peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.19. Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.20. Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli Majlis.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

2.DASAR-DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

2.21 Pajakan

Pajakan Kewangan

Pajakan harta tanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya dibawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosot nilai.

Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas atas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.22. Kos Pembiayaan

Semua kos pembiayaan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh ia terlibat.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2020 RM	2019 RM	01.01.2019 Seperti yang dinyatakan semula
Akaun belum terima cukai taksiran	85,357,066	85,509,626	82,539,102
Tolak : Elaun rosot nilai	(57,670,071)	(50,164,291)	(44,552,740)
: Elaun rosot nilai khas	(13,488,009)	(18,769,509)	(18,697,678)
Jumlah Kecil (i)	14,198,986	16,575,826	19,288,684
Akaun belum terima notis dan waran	10,679,363	10,768,869	10,636,129
Tolak : Elaun rosot nilai	(7,324,851)	(7,286,508)	(7,003,848)
: Elaun rosot nilai khas	(2,221,446)	(2,181,958)	(2,202,970)
Jumlah Kecil (ii)	1,133,066	1,300,403	1,429,311
Akaun belum terima sewaan	340,192	284,990	279,179
Jumlah Kecil (iii)	340,192	284,990	279,179
Jumlah Besar (i) + (ii) + (iii)	15,672,244	18,161,219	20,997,174

Analisis pengumuran bagi baki Belum Terima adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
(i) Tunggakan cukai taksiran		
Pengumuran kurang 1 tahun	343,814	62,044
Pengumuran 1 - 5 tahun	625,392	639,706
Pengumuran > 5 tahun	13,229,780	17,939,976
	14,198,986	18,641,726
(ii) Tunggakan notis dan waran		
Pengumuran kurang 1 tahun	3,300	3,933
Pengumuran 1 - 5 tahun	9,240	8,475
Pengumuran > 5 tahun	1,120,526	1,287,995
	1,133,066	1,300,403
(iii) Tunggakan sewaan		
Pengumuran kurang 1 tahun	248,965	188,385
Pengumuran 1 - 5 tahun	87,727	93,905
Pengumuran > 5 tahun	3,500	2,700
	340,192	284,990

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

4. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

	2020 RM	2019 RM
		<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Belanja terdahulu	3,068	11,614
Belanja terdahulu Hartanah Bayou Lagoon Melaka	-	1,141,200
Deposit Pos Malaysia	-	15,023
Deposit Kenderaan - UMW Toyota	-	11,787
Deposit Bangunan Oasis	-	215,208
Deposit Bangunan Bayou Lagoon Melaka	-	126,800
Deposit Bangunan Behrang	120,064	-
EB Bank Simpanan Nasional	5,356	4,339
Faedah simpanan tetap terakru	1,400,762	1,276,520
Jabatan Kastam Diraja Malaysia (GST)	3,111,146	3,619,851
Pendahuluan AP 59	376,410	459,128
Pendahuluan kakitangan	12,491	10,090
Perbelanjaan terlebih bayar	7,962	29,074
Jumlah Kecil (i)	<u>5,037,259</u>	<u>6,920,634</u>
Pinjaman Kakitangan:		
Pinjaman kenderaan	244,561	272,261
Faedah pinjaman kenderaan terakru	(17,290)	(20,890)
Pinjaman komputer	81,371	61,602
Faedah pinjaman komputer terakru	(5,531)	(3,758)
Pinjaman telefon	8,074	3,037
Faedah pinjaman telefon terakru	(426)	(183)
Jumlah Kecil (ii)	<u>310,759</u>	<u>312,069</u>
Jumlah Besar (i) + (ii)	<u>5,348,018</u>	<u>7,232,703</u>

Analisis pengumuran bagi pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan adalah seperti berikut:

	2020 RM	2019 RM
Pengumuran kurang 1 tahun	1,738,667	3,303,637
Pengumuran 1 - 5 tahun	3,609,351	3,929,527
Pengumuran > 5 tahun	-	-
	<u>5,348,018</u>	<u>7,233,164</u>

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

5. SIMPANAN TETAP

	2020 RM	2019 RM
Affin Bank Berhad	14,500,000	20,000,000
Amanah Raya Berhad	46,000,000	-
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	31,500,000	21,500,000
Bank Muamalat Indonesia	10,168,877	10,000,000
Co-Op Bank Pertama	4,000,000	52,500,000.00
Maybank Berhad	5,000,000	-
	111,168,877	104,000,000

6. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

	2020 RM	2019 RM
Akaun Ibu Pejabat Maybank Bank Berhad	433,775	17,108
Akaun Public Bank Berhad Pejabat Bukit Beruntung	127,488	1,295,504
Akaun Maybank Bank Berhad	235,952	612,641
Akaun Bank Islam Malaysia Berhad	4,636,590	10,202,227
Akaun Bank Islam Malaysia Berhad (Int. Banking)	779,359	1,052,820
Akaun CIMB Bank Berhad (PBT)	1,126,802	288,822
Akaun CIMB Bank Berhad (PTD)	2,276,029	1,060,556
Akaun Hong Leong Bank Berhad	68,748	63,148
Akaun AmBank (M) Berhad	791,821	461,958
Akaun Bank Simpanan Nasional	680,328	609,345
Akaun Public Bank Berhad Pejabat Batang Kali	293,455	292,704
Akaun Public Bank Berhad (Int. Banking)	120,820	-
Akaun Bank Muamalat Malaysia Berhad	4,281	4,030
Akaun CIMB Bank Berhad Kutipan	615,796	614,205
Akaun Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	232,398	195,363
Akaun RHB Bank Berhad	227,640	224,902
Akaun Standard Chartered Bank Berhad	319,447	290,702
Akaun Bank Islam Malaysia Berhad - ISF	98,193	98,129
Akaun Bank Simpanan Nasional - EB	27,457	25,031
Akaun Bank Islam Malaysia Berhad - MARRIS	260,300	20,715
Wang Panjar Runcit	3,534	3,000
	13,360,213	17,432,910

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

7.1 TAHUN 2020		Tanah	Bangunan	Kenderaan	Jentera & Mesin	Perabut	Perkakas-perkakas lain	Komputer & perkakasan	Taman Landskap	Jalan Infrastruktur	JUMLAH
KOS	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki awal pada 1 Januari 2020	12,919,000	68,008,767	10,104,222	141,066	89,099	522,041	1,468,347	35,308,595	382,070,989	510,632,126	
- Seperti dinyatakan semula											
Tambahan dalam tahun	635,000	3,482,570	1,142,861	81,228	128,750	207,451	6,100	-	-	5,683,960	
Pelupusan dalam tahun	-	(66,300)	-	-	-	-	-	-	-	(66,300)	
Kesilapan / ketinggalan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
KOS PADA 31 DISEMBER 2020	13,554,000	71,425,037	11,247,083	222,294	217,849	729,492	1,474,447	35,308,595	382,070,989	516,249,786	
SUSUT NILAI TERKUMPUL											
Baki awal pada 1 Januari 2020	126,903	2,909,286	7,365,720	120,141	23,012	420,707	1,308,394	9,281,957	31,994,931	53,551,051	
- Seperti dinyatakan semula											
Susut nilai tahun semasa	63,451	1,522,967	1,224,615	44,423	20,935	77,371	91,014	3,361,825	7,622,853	14,029,454	
Pelupusan dalam tahun	-	(2,652)	-	-	-	-	-	-	-	(2,652)	
Kesilapan / ketinggalan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
SUSUT NILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2020	190,354	4,429,601	8,590,335	164,564	43,947	498,078	1,399,408	12,643,782	39,617,784	67,577,853	
AMAU BAWAAN											
Pada 31 Disember 2020	13,363,646	66,995,436	2,656,748	57,730	173,902	231,414	75,039	22,664,813	342,453,205	448,671,933	

Termasuk di dalam hartaan, loji dan peralatan adalah kendaraan dengan amaun bawaan bersih berjumlah RM 1,142,861 (2019: RM 1,790,483) yang telah dibeli melalui skim sewa beli.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBWER 2020

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

7.1 TAHUN 2019		Tanah	Bangunan	Kenderaan	Jentera & Mesin	Perabut	Perkakas-perkakas lain	Komputer & perkakasan	Taman Landskap	Jalan Infrastruktur	JUMLAH
KOS		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki awal ada 1 Januari 2019 - Seperti dinyatakan sebelum ini		1,290,000	15,718,700	8,313,739	135,964	64,971	433,423	1,402,376	29,364,220	332,667,851	389,391,244
Pelarasan tahun lalu - Kesilapan / ketinggalan - Perubahan dasar perakaunan		-	(2,148,487)	-	-	-	-	-	5,096,644	-	2,948,157
Baki awal ada 1 Januari 2019 - Seperti dinyatakan semula		1,290,000	13,570,213	8,313,739	135,964	64,971	433,423	1,402,376	34,460,864	382,070,989	441,742,539
Tambahan dalam tahun Pelupusan dalam tahun Pindahan		-	-	1,790,483	5,102	24,128	88,618	65,971	847,731	-	2,822,033
		11,629,000	54,438,554	-	-	-	-	-	-	-	66,067,554
KOS PADA 31 DISEMBER 2019		<u>12,919,000</u>	<u>68,008,767</u>	<u>10,104,222</u>	<u>141,066</u>	<u>89,099</u>	<u>522,041</u>	<u>1,468,347</u>	<u>35,308,595</u>	<u>382,070,989</u>	<u>510,632,126</u>
SUSUT NILAI TERKUMPUL											
Baki awal ada 1 Januari 2019 - Seperti dinyatakan sebelum ini		18,048	314,374	6,367,082	101,544	13,130	375,309	1,190,465	5,576,084	93,917,241	107,873,277
Pelarasan tahun lalu - Kesilapan / ketinggalan - Perubahan dasar perakaunan		-	(142,370)	-	-	-	-	-	355,249	-	212,879
Baki awal ada 1 Januari 2019 - Seperti dinyatakan semula		18,048	172,004	6,367,082	101,544	13,130	375,309	1,190,465	5,920,133	24,372,079	38,529,794
Susut nilai tahun semasa Pelupusan dalam tahun Pindahan		63,452	1,554,043	998,638	18,597	9,882	45,398	117,929	3,361,824	7,622,852	13,792,615
		45,403	1,183,239	-	-	-	-	-	-	-	1,228,642
SUSUT NILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2019		<u>126,903</u>	<u>2,909,286</u>	<u>7,365,720</u>	<u>120,141</u>	<u>23,012</u>	<u>420,707</u>	<u>1,308,394</u>	<u>9,281,957</u>	<u>31,994,931</u>	<u>53,551,051</u>
AMAUN BAWAAN											
Pada 31 Disember 2019		12,792,097	65,099,481	2,738,502	20,925	66,087	101,334	159,953	26,026,638	350,076,058	457,081,075

Termasuk di dalam hartaan, loji dan peralatan adalah kendaraan dengan amaun bawaan bersih berjumlah RM 1,790,483 (2018: RM1,250,135) yang telah dibeli melalui skim sewa beli.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

8. ASET TAK KETARA

	2020 RM	2019 RM
<u>Kos</u>		
Pada 1 Januari	1,376,166	1,318,876
Tambahan	32,049	57,290
Pada 31 Disember	<u>1,408,215</u>	<u>1,376,166</u>

Pelunasan Terkumpul

	2020 RM	2019 RM
Pada 1 Januari	1,243,920	1,172,963
Tambahan	71,435	70,957
Pada 31 Disember	<u>1,315,355</u>	<u>1,243,920</u>
AMAUN BAWAAN Pada 31 Disember	<u>92,860</u>	<u>132,246</u>

9. WANG CAGARAN

Jumlah wang cagaran adalah jumlah keseluruhan wang awam yang diterima bagi kerja dan perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak Majlis Daerah Hulu Selangor. Wang cagaran bagi tahun 2019 adalah masih aktif kerana tujuan wang cagaran itu dikutip belum tercapai.

	2020 RM	2019 RM
Jenis Cagaran		
Teknikal	19,736,502	20,085,087
Bukan Teknikal	<u>1,382,076</u>	<u>1,402,320</u>
Cagaran Terkumpul sehingga tahun	<u>21,118,578</u>	<u>21,487,407</u>

10. WANG AMANAH

Keterangan akaun amanah	Jumlah pada 1/01/2020 RM	Jumlah diterima dalam tahun RM	Jumlah dibayar dalam tahun RM	Jumlah pada 31/12/2020 RM
a) Geran MARRIS	10,837,547	21,055,711	24,440,125	7,453,133
b) Geran SUK	7,351,229	5,740,474	9,401,187	3,690,516
c) Caj Pemajuan ISF	4,006,119	687,124	-	4,693,243
d) Caj Pemajuan	3,384,880	775,459	-	4,160,339
e) Caj Pematuhan Beg Plastik	-	136,506	-	136,506
JUMLAH	25,579,775	28,395,274	33,841,312	20,133,737

11. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN TERIMAAN TERDAHULU

Keterangan	2020 RM	2019 RM
Cukai Taksiran Am	2,037,930	2,401,138
Notis dan Waran	30,847	225,582
Sewaan Tahunan	33,063	14,895
JUMLAH	2,101,840	2,641,615

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

12. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR

Keterangan	2020 RM	2019 RM
Pembiutang Perbelanjaan	11,967,527	14,884,146
Lain-lain Cagaran	501,610	466,040
Terimaan Lain-Lain PBT dan Cukai Tanah	6,036	13,103
Terimaan Tidak Dikenalpasti	197,501	310,010
Peruntukan Manfaat Kakitangan < 1 tahun	87,259	19,439
JUMLAH	12,759,933	15,692,738

13. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR

	2020 RM	2019 RM
Peruntukan Manfaat Kakitangan > 1 tahun	383,735	210,798
14. PINJAMAN SEWA BELI	2020 RM	2019 RM
Analisa sewa beli		
Bayaran balik dalam tempoh 1 tahun	1,042,572	958,015
Bayaran balik diantara 1 hingga 5 tahun	2,745,592	2,609,564
	3,788,164	3,567,579
Tolak : Faedah tertunda	(343,769)	(390,090)
	3,444,395	3,177,489
Mewakili liabiliti sewa beli		
Matang dalam tempoh 12 bulan	888,807	797,057
Matang selepas tempoh 12 bulan	2,555,588	2,380,432
	3,444,395	3,177,489

Pinjaman sewa beli adalah terdiri daripada :-

(i) Pinjaman Maybank Islamic Berhad	3,438,134	3,147,155
Tujuan : Pembelian Kenderaan		
Jumlah : RM 4,737,163		
Kadar Faedah : 2.45% - 6.60%		
Tempoh Bayaran Balik : 60 bulan - 108 bulan		
Cagaran : Hakmilik dituntut oleh Bank.		
(ii) Pinjaman Bank Islam Malaysia Berhad	6,261	30,334
Tujuan : Pembelian Kenderaan		
Jumlah : RM118,628		
Kadar Faedah : 3.7%		
Tempoh Bayaran Balik : 60 bulan		
Cagaran : Hakmilik dituntut oleh Bank.		
	3,444,395	3,177,489

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

15. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

	2020 RM	2019 RM
		<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Cukai taksiran	60,629,318	59,885,539
Sumbangan membantu kadar	591,692	462,433
Sewaan	1,486,435	1,805,672
Notis dan waran	1,043,685	1,546,611
Lesen, bayaran pendaftaran dan permit	2,253,266	2,362,183
Denda dan hukuman	2,126,240	2,039,485
Sumbangan Kerajaan Persekutuan/Negeri	5,353,012	6,531,605
Pelunasan geran Kerajaan	33,842,995	15,504,204
	<hr/> 107,326,643	<hr/> 90,137,732

16. URUSNIAGA PERTUKARAN

	2020 RM	2019 RM
		<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>
Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan	863,722	667,778
Perolehan dari jualan barang	705,456	574,397
Sewaan pelbagai	270,132	162,734
Bayaran pelan	2,712,401	2,549,762
Faedah bank	81,567	153,975
Faedah dari pinjaman kenderaan	9,501	5,486
Faedah dari pinjaman komputer	2,922	697
Faedah dari pinjaman telefon	369	40
Faedah dari pelaburan	3,665,109	4,123,530
Caj Pematuhan	2,576,695	-
Pelbagai pendapatan	1,403	49,413
Hutang rugu khusus - cukai taksiran	5,281,500	-
Hutang rugu khusus - notis dan waran	-	21,012
	<hr/> 16,170,777	<hr/> 8,308,824

17. PELBAGAI HASIL

	2020 RM	2019 RM
Cagaran dilucutkan	2,580,740	3,075,245
Rosotnilai terpulih	2,065,900	-
	<hr/> 4,646,640	<hr/> 3,075,245

18. PERBELANJAAN

	2020 RM	2019 RM
<i>PERBELANJAAN MENGURUS</i>		
<i>EMOLUMEN</i>		
Gaji dan Upahan	12,476,744	11,398,463
Elaun Tetap	5,446,912	5,201,302
Sumbangan Berkanun (KWSP)	530,465	494,869
Elaun Lebih Masa	566,788	908,173
Faedah Kewangan Yang Lain	987,531	1,944,174
	<hr/> 20,008,440	<hr/> 19,946,980

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

18. PERBELANJAAN (sambungan)	2020	2019
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN	RM	RM
Tuntutan perjalanan	89,610	129,944
Perhubungan dan utiliti	436,809	507,923
Sewaan	149,726	237,531
Bekalan bahan mentah	374,245	600,051
Bekalan bahan lain	1,148,218	1,233,298
Penyelenggaraan dan pembaikan	20,682,926	20,329,573
Perkhidmatan ikhtisas	3,467,598	6,984,426
	26,349,132	30,022,746
PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP	2020	2019
Pencen dan ganjaran	RM	RM
	1,628,195	1,640,046
	1,628,195	1,640,046
PERBELANJAAN LAIN	2020	2019
Lain-lain harta modal	623,011	505,745
Perbelanjaan lain-lain	975,389	1,669,219
Peruntukan Manfaat Kakitangan	328,020	230,236
Komisen bank	79,636	86,479
Hutang rugu am - cukai taksiran	9,571,680	5,611,551
Hutang rugu khusus - cukai taksiran	-	71,831
Hutang rugu am - notis dan waran	38,343	282,660
Hutang rugu khusus - notis dan waran	39,487	-
Faedah dikenakan atas pinjaman kenderaan	164,153	122,567
Pelupusan Aset	63,648	-
	11,883,367	8,580,288
PEMBANGUNAN	2020	2019
	RM	RM
<i>Projek Pembangunan Majlis</i>		
Projek pembangunan sosial	2,735,070	2,252,953
Perkhidmatan angkat sampah	12,000,222	12,085,126
Pembangunan Teknologi Maklumat	-	442,366
Projek kemudahan awam	384,740	-
Program bandar selamat	-	36,272
Rancangan pemajuan	88,003	59,285
Pelan strategik	-	48,650
Projek pembangunan MDHS	377,779	2,031,627
Projek rancangan kemajuan khas	-	19,900
Local agenda 21	51,327	119,676
Projek khas MDHS	8,537,434	3,749,812
Kerja-kerja luar jangka	360,360	544,248
Baki dihantar ke hadapan	24,534,935	21,389,915

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

	2020	2019
	RM	RM
Baki di bawa dari hadapan	24,534,935	21,389,915
Kempen MDHS	287,851	364,753
Media tanaman	44,298	165,000
Membina pusat baja kompos	235,737	-
Menaiktaraf taman awam	-	199,815
Penggerak belia tempatan	112,771	147,897
Penyelenggaraan bangunan	425,417	797,869
Penyelenggaraan jalan	22,891,970	11,036,743
Penyelenggaraan kawasan industri	487,170	485,989
Penyelenggaraan lampu jalan	564,539	1,408,692
Penyelenggaraan longkang	253,149	455,685
Penyelenggaraan taman rekreasi	869,292	392,416
Perkhidmatan landskap	2,883,584	1,865,286
Perkhidmatan pakarunding	102,204	49,826
Projek bas Smart Selangor	1,161,890	1,291,600
Projek landskap	197,634	234,126
	55,052,441	40,285,612

19. PELARASAN TAHUN LALU

Pelarasan tahun lalu dinyatakan semula seperti berikut:

Nota	Seperti Dinyatakan Terdahulu 2018 RM	Pelarasan Tahun Lalu / Perbezaan RM	Seperti Dinyatakan Semula 2018 RM
Hartanah, loji dan peralatan	19.1		
(a) Bangunan	15,718,700	(2,148,487)	13,570,213
(b) Taman Landskap	30,908,374	3,552,490	34,460,864
(c) Peruntukan susutnilai (bangunan)	(314,374)	142,370	(172,004)
(d) Peruntukan susutnilai (Taman Landskap)	(5,564,884)	(355,249)	(5,920,133)
Urusniaga bukan pertukaran belum terima	19.2		
(a) Cukai	84,400,713	(1,861,611)	82,539,102
(b) Notis dan Waran	10,645,456	(9,327)	10,636,129
(c) Sewaan	279,511	(332)	279,179
Jumlah Pelarasan Tahun Terdahulu		(680,146)	

Nota:

19.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

(a) Bangunan

Pelarasan tahun lalu adalah bagi kos Bangunan berjumlah RM 2,148,487 adalah seperti berikut:

- (i) Pelarasan bertujuan untuk melaraskan semula kesilapan merekod aset bangunan sebanyak dua kali serta mengambilka aset bangunan dibawah penguatkuasaan majlis sebagai aset majlis.

Pecahan bagi pelarasan tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Kos bangunan yang diambil kira sebagai aset majlis	10,072,802
Kos bangunan yang dikeluarkan atas kesilapan merekod dua kali	(7,251,289)
Pelarasan atas kos bangunan	2,821,513

- (ii) Pelarasan bagi bangunan Rumah Rehat Kerajaan, Padang Golf, Kuala Kubu Bharu berjumlah RM 4,970,000 untuk mengeluarkan aset bangunan dari aset majlis.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

19. PELARASAN TAHUN LALU (sambungan)

19.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

(b) Taman landskap

Pelarasan tahun lalu adalah bagi kos taman landskap berjumlah RM3,552,490 bagi mengambil kira kemudahan awam di Taman Goldenwood, Taman Pak Siong, Taman Rumah Awam 2, Jalan Kemudi, Kampung Seri Geriang, Taman Danau, Taman Bayu Indah, Taman Hulu Bernam, Taman Bahtera Desa Keliang, Jalan Tempua, Kampung Gumut Tambahan, Taman Awam Kalumpang, Taman Desa Kenari, Taman Musabika, Jalan Merpati, Kampung Pasir, Taman Awam Kerling, Taman Zamrud, Jalan Kenari, Jalan Padang Golf, Taman Syed Mansor, Taman Empurau dan Jalan Taman Arowana.

(c) Peruntukan susutnilai bangunan

Pelarasan tahun lalu adalah membuat peruntukan susutnilai bagi kos aset bangunan yang dilaraskan semula sepetimana yang dinyatakan di para 19.1(a) bagi tahun 2018 yang berjumlah RM56,430.

(d) Peruntukan susutnilai taman landskap

Pelarasan tahun lalu mengambil kira susutnilai bagi aset taman landskap sepetimana yang dinyatakan di para 19.1(b) bagi tahun 2018 yang berjumlah RM 355,249.

19.2 Urusniaga bukan pertukaran belum terima

(a) Cukai

Pelarasan pada tunggakan cukai sebanyak RM1,861,611 ini bertujuan untuk memperlaraskan semula hasil cukai yang telah diterima pada tahun tahun sebelum kesan dari pemindahan data ke sistem perakaunan yang baru.

(b) Notis dan waran

Tunggakan notis dan waran sebanyak RM9,327 yang telah diterima pada tahun sebelum telah tersalah rekod sebagai hasil.

(c) Sewaan

Hasil sewaan tahun sebelum telah terlebih catat sebanyak RM332 dan dilaraskan semula ke akaun tunggakan sewaan.

20. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka perbandingan tahun lalu telah dinyatakan semula kesan daripada pelarasan tahun terdahulu.

Pihak majlis turut membuat pindaan ke atas angka-angka bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 bagi membetulkan kesilapan seperti berikut:

	Seperti Dinyatakan Sebelum ini 2019 RM	Seperti Dinyatakan Semula 2019 RM
<u>Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima</u>		
Elaun rosot nilai - cukai taksiran	(50,164,291)	(48,098,391)
<u>Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan:</u>		
Faedah pinjaman kenderaan teraku	(19,288)	(20,890)
Faedah pinjaman komputer terkuar	(2,557)	(3,758)
<u>Urusniaga Pertukaran:</u>		
Faedah dari pinjaman kenderaan	7,088	5,486
Faedah dari pinjaman komputer	1,898	697
<u>Hartanah, loji dan peralatan</u>		
Bangunan	72,978,767	68,008,767

21. TANGGUNGAN LUAR JANGKA

Sehingga tempoh berakhir 31 Disember 2020, tiada kes yang dijangka.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

22. INSTRUMEN KEWANGAN – DASAR PENGURUSAN RISIKO

Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, Majlis mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis akan sentiasa memantau baki tunggakan secara berterusan dan akan mengambil tindakan mengikut kaedah perundangan yang dibenarkan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kemampuan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kemampuan liabiliti Majlis pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskau kontrak.

	Dalam tempoh setahun	Lebih tempoh setahun	Jumlah
	RM	RM	RM
Pada 31 Disember 2020			
Urusniaga bukan pertukaran terimaan terdahulu	2,101,840	-	2,101,840
Pembiutang perbelanjaan	11,967,527	-	11,967,527
Wang cagaran	21,118,578	-	21,118,578
Wang amanah	19,997,231	-	19,997,231
Lain-lain cagaran	501,610	-	501,610
Terimaan lain-lain PBT dan cukai tanah	6,036	-	6,036
Pinjaman sewa beli	888,807	2,555,588	3,444,395
	56,581,629	2,555,588	59,137,217
Pada 31 Disember 2019			
Urusniaga bukan pertukaran terimaan terdahulu	2,641,615	-	2,641,615
Pembiutang perbelanjaan	14,889,595	-	14,889,595
Wang cagaran	21,487,407	-	21,487,407
Wang amanah	25,579,775	-	25,579,775
Lain-lain cagaran	466,040	-	466,040
Terimaan lain-lain PBT dan cukai tanah	13,103	-	13,103
Pinjaman sewa beli	797,057	2,380,432	3,177,489
	65,874,592	2,380,432	68,255,024

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

22. INSTRUMEN KEWANGAN – DASAR PENGURUSAN RISIKO (sambungan)

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan Majlis akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pendedahan Majlis kepada risiko kadar faedah timbul daripada Pelaburan Majlis dalam aset kewangan yang kebanyakannya untuk jangka pendek dan kebanyakannya adalah deposit kewangan.

Pada tarikh pelaporan, jika kadar faedah adalah pada 10 mata asas lebih rendah / tinggi, dengan semua pemboleh ubah lain yang adalah sekata, kurangan atau lebihan bersih Majlis selepas cukai adalah pada RM 90,966.

Aset dan liabiliti kewangan Majlis yang lain adalah tidak mempunyai kesan ketara ke atas Penyata Prestasi Kewangan Majlis.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

23. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

	2020	2019
	RM	RM
Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan	25	25
Jumlah ganjaran	998,048	1,160,082

24. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai tempoh kewangan dari 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020. Jumlah bajet ini telah dibentangkan oleh Mesyuarat Khas Belanjawan MDHS pada 1 Oktober 2019. Tiada peruntukan tambahan dibuat dalam tempoh kewangan tahun 2019.

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

25. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Belanjawan dan Penyata Kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada Penyata Kewangan. Penyata Kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam Penyata Kewangan ini telah disusun semula dari asas akru kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepetimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar. Selain perbezaan asas ini pelarasan kepada jumlah dalam Penyata Kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan Penyata Kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan ini.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dan jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti di bawah:

Nota	Operasi RM	Pelaburan RM	Pembentangan RM	Jumlah RM
Jumlah sebenar di dalam				
Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar	18,908,253	(3,482,572)	1,097,754	16,523,435
Perbezaan asas, masa & entiti (a)	(10,362,970)	(2,233,437)	(830,848)	(13,427,255)
Jumlah sebenar dalam	8,545,283	(5,716,009)	266,906	3,096,180
Penyata Aliran Tunai				

Nota (a):

Perbezaan asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa tetapi merupakan pembayaran berhubung tahun kewangan yang lalu.